



KEMENTERIAN  
ALAM SEKITAR DAN AIR  
Ministry of Environment and Water  
JABATAN ALAM SEKITAR

# PELAN STRATEGIK

JABATAN ALAM SEKITAR

•2021-2030•





Diterbitkan oleh:  
Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Alam Sekitar dan Air  
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli  
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62574 Putrajaya, Malaysia

**© Jabatan Alam Sekitar**

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian penerbitan ini yang dapat diterbitkan semula, disalin, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam bentuk apa pun dengan cara apa pun - elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya; tanpa kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar.

**Pelan Strategik 2021 – 2030**  
**Jabatan Alam Sekitar**



# KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH	6
RINGKASAN EKSEKUTIF	8

## PENDAHULUAN

---

Pengenalan dan Latar Belakang Jabatan	10
Carta Organisasi Jabatan	12
Dasar dan Punca Kuasa	13
Fungsi JAS	14

## HALA TUJU STRATEGIK

---

Visi, Misi dan Moto	16
Nilai Bersama dan Pihak Berkepentingan	17

## SENARIO PERSEKITARAN

---

Senario Persekitaran	19
Isu dan Cabaran	20

# NGGAN

## **STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN**

---

Pemetaan Strategi JAS 2021-2030	22
Pelan Tindakan	23

## **FAKTOR PENENTU KEJAYAAN**

---

Komitmen Pengurusan Tertinggi	49
Penggunaan Kemahiran Teknologi	50
Pelan Komunikasi Media	50
Tadbir Urus	51

<b>PENUTUP</b>	52
----------------	----

<b>PENGHARGAAN</b>	53
--------------------	----



# PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR

Dalam usaha menuju ke arah Matlamat Pembangunan Mampan 2030, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan pelbagai program di peringkat nasional dan serantau demi menjamin persekitaran yang lebih berkualiti dan pembudayaan amalan lestari di setiap lapisan masyarakat.



**WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAAFFAR**  
Ketua Pengarah Alam Sekitar



Sebagai pemangkin kelestarian alam sekitar kini dan akan datang, JAS perlu membuat perancangan yang komprehensif dalam memainkan peranan yang lebih efektif dan efisien bagi menyokong Dasar Alam Sekitar Negara serta dasar dan polisi berkaitan yang telah dibangunkan oleh kerajaan Malaysia. Oleh itu, dokumen Pelan Strategik JAS 2021-2030 diharapkan akan dapat memperkasakan dan mengukuhkan peranan serta hala tuju JAS dalam tempoh satu dekad akan datang.

Pelan Strategik JAS 2021-2030 juga dibangunkan dengan objektif untuk menyumbang kepada pembangunan lestari negara selaras dengan dasar dan jangkaan daripada pihak berkepentingan untuk tujuan kesejahteraan bersama.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan Pelan Strategik JAS 2021-2030 dan berharap agar pelan ini menjadi aspirasi ke arah kelestarian alam sekitar di Malaysia.

# PENDAHULUAN



# RINGKASAN EKSEKUTIF

**Pelan Strategik Jabatan Alam Sekitar 2021-2030 dihasilkan bagi memastikan kelestarian alam sekitar kini dan akan datang.**

Pelan Strategik JAS ini menekankan kepada misi untuk memelihara dan memulihara alam sekitar untuk keseimbangan dan kesejahteraan semua kehidupan. Rancangan sepuluh (10) tahun ini memperlihatkan komitmen dan sasaran keberhasilan melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang.

Untuk merealisasikan pelan ini, JAS telah menambahbaik visi dan misi Jabatan terdahulu supaya relevan dengan keperluan dan perubahan semasa dalam usaha memastikan JAS menjadi agensi unggul dalam kelestarian alam sekitar. Penambahbaikan ini dibuat berdasarkan ketersediaan sumber-sumber dan keutamaan persekitaran yang lestari demi kesejahteraan rakyat serta Negara. Pelan Strategik JAS ini dibangunkan selari dengan perancangan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe12) Jabatan yang merupakan rujukan utama dalam pelaksanaan program pembangunan untuk tahun 2021 hingga 2030 bagi memenuhi keperluan ekonomi dan kesejahteraan rakyat serta negara.

JAS memerlukan komitmen semua pihak berkepentingan termasuklah agensi-agensi dalaman dan luaran serta rakan-rakan strategik yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, sektor swasta, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak media serta orang awam. Kerjasama semua pihak perlu bagi JAS mencapai objektif-objektif berikut:

Mengintegrasikan dimensi alam sekitar ke dalam perancangan dan pelaksanaan dasar semua sektor

01

Mengukuh peranan sektor swasta dalam perlindungan alam sekitar

02

Meningkatkan komitmen dan kebertanggungjawaban semua pihak ke atas perlindungan alam sekitar

03

Melaksanakan pencegahan dan kawalan pencemaran secara berkesan dan berterusan

04

Membudayakan gaya hidup lestari

05

Pelan Strategik JAS 2021 – 2030 merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik sebelum ini, iaitu Pelan Strategik 2011 – 2020. Pelan Strategik terdahulu telah memfokuskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan hidup rakyat Malaysia serta mengambilkira keperluan semua pihak berkepentingan dalam memastikan kesejahteraan alam sekitar dan keseimbangan pembangunan lestari. Pelan Strategik JAS 2021 – 2030 merupakan fasa terkini dalam merealisasikan visi dan misi JAS, iaitu “KELESTARIAN ALAM SEKITAR UNTUK KEMAKMURAN BERSAMA” dan “MEMASTIKAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR TERJAMIN DALAM MEMACU PEMBANGUNAN NEGARA”. Visi dan Misi ini disokong dengan Moto JAS iaitu “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”. Pelan ini akan menjadi inspirasi ke arah mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030) dan memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* (SDG)) 2030.

Pelan Strategik JAS 2021 – 2030 menetapkan empat (4) teras strategik untuk dilaksanakan dengan jayanya iaitu:

### Penguatkuasaan Pintar (Smart Enforcement)

Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam tindakan penguatkuasaan, pematuhan sendiri dan pengukuhan perundangan alam sekitar dengan sokongan teknologi dan peralatan canggih yang terkini.

### Malaysia Lestari

Kerjasama dan komitmen padu daripada semua pemegang taruh dalam memperkasakan pengurusan alam sekitar melalui pembangunan lestari serta meningkat dan memperkukuhkan Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) berkaitan alam sekitar, dalam membudayakan gaya hidup lestari dalam segenap lapisan masyarakat

### Kecemerlangan Jabatan Alam Sekitar

Prestasi JAS dalam melaksana mandat yang telah melebihi jangkaan pihak berkepentingan. Memperkasakan sistem tadbir urus dalam pelaksanaan teras, pelan tindakan dan inisiatif melalui penyampaian yang efektif dan inovatif.

### Keunggulan Global

Keunggulan global didukung oleh pelan strategik dan inisiatif yang akan melonjakkan JAS di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa melalui jangkauan akses teknologi maklumat dan komunikasi yang meluas

Keempat-empat teras strategik ini membantu melaksanakan penambahbaikan kepada pendekatan dan strategi sedia ada, selaras dengan matlamat untuk mengimplementasi seterusnya menguatkuasakan polisi, akta dan peraturan yang efektif, efisien serta berintegriti. Pelan Strategik JAS 2021-2030 dibahagikan kepada tiga (3) tempoh masa iaitu pelan jangka pendek (Pelan Tindakan 2021-2023), pelan jangka sederhana (Pelan Tindakan 2024-2026) dan pelan jangka panjang (Pelan Tindakan 2027-2030).

# PENGENALAN

Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, telah diwartakan pada Mac 1974 dan mula dikuatkuasakan pada 15 April 1975. Keperluan penguatkuasaan kepada AKAS 1974 ini telah membawa kepada resolusi kepentingan satu agensi yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas tersebut. JAS merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk mentadbir isu-isu berkaitan alam sekitar, melaksanakan penguatkuasaan kepada punca-punca pencemaran alam sekitar dan perancangan bagi kawalan pencemaran yang tertakluk kepada AKAS 1974.

JAS pada awalnya diwujudkan sebagai Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar pada 15 April 1975. Bahagian Alam Sekitar kemudiannya ditempatkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada Mac 1976. Berdasarkan kepada kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, tanggal 1 September 1983, Bahagian Alam Sekitar telah dinaik taraf menjadi sebuah Jabatan yang dikenali sebagai kepada Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Pada Mac 2004 JAS diletakkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Pada tahun 2018, ditempatkan di bawah agensi naungan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Bermula Mac 2020 sehingga kini, JAS ditempatkan di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air.





**Secara tuntasnya, JAS telah berjaya melaksanakan pelbagai program di peringkat nasional dan serantau demi memperkukuh persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau, serta menangani isu dan cabaran berkaitan alam sekitar dalam proses pembangunan negara.**


Susulan itu, JAS kini membangunkan Pelan Strategik 2021-2030 yang komprehensif untuk membolehkannya memainkan peranan dengan lebih efektif dan menyokong Dasar Alam Sekitar Negara khususnya, dan dasar-dasar berkaitan yang dibangunkan oleh kerajaan Malaysia umumnya.

Pelan Strategik ini yang merangkumi strategi dan inisiatif semua Bahagian di JAS Ibu Pejabat, JAS Negeri dan Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) akan menjadi panduan untuk mengadaptasi teknologi terkini dalam melaksanakan penguatkuasaan akta, program pengawasan dan pendidikan serta kesedaran dalam memenuhi keperluan pemegang taruh terutamanya pihak kerajaan, industri, komuniti dan rakyat Malaysia. Ini sekaligus akan membawa JAS ke tahap yang lebih cemerlang dan berdaya saing serta menjadi salah sebuah agensi alam sekitar yang terunggul di peringkat global.



# CARTA ORGANISASI

## JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA



# DASAR DAN PUNCA KUASA



# FUNGSI JAS



1

Mewujudkan **persekitaran yang bersih & selamat** bagi meningkatkan kualiti hidup & kesejahteraan rakyat serta pembangunan lestari



2

Mempertingkatkan & memperkukuh **program pengawasan dan pemuliharaan kualiti alam sekitar** di Malaysia termasuk Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE)



3

Menjadi **rujukan kepada pihak yang membuat keputusan** di peringkat tertinggi pengurusan alam sekitar dalam & luar negara



4

Mentransformasi pemikiran & membudayakan **gaya hidup lestari** rakyat ke arah pemeliharaan & pemuliharaan alam sekitar



5

Mengurus **pengendalian bahan berbahaya**, toksik serta buangan terjadual



6

Memudahcara **pembangunan terancang** supaya dilaksanakan secara lestari



7

Memperkasa & membudaya penggunaan ICT untuk meningkat & mentransformasi kecekapan dan keberkesanan **pemantauan pencemaran**



8

Merupakan **pihak berkuasa yang kompeten** dalam menyuarakan pendirian negara dalam pengurusan alam sekitar di peringkat antarabangsa



9

Membangunkan **keupayaan dan kompetensi** dalam kalangan pihak yang berkepentingan



10

Penerapan dan pelaksanaan **konsep mesra alam sekitar** di dalam semua aspek pembangunan termasuk industri hijau



HALA TUJU  
**HALA TUJU STRATEGIK**  
REGIONAL

## VISI

---

**KELESTARIAN ALAM SEKITAR  
UNTUK KEMAKMURAN BERSAMA**

## MISI

---

**MEMASTIKAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR  
TERJAMIN DALAM MEMACU PEMBANGUNAN  
NEGARA**



## MOTO

---

**ALAM SEKITAR  
TANGGUNGJAWAB  
BERSAMA**

## NILAI BERSAMA

INTEGRITI

KERJA  
BERPASUKAN

AKAUNTABILITI

CEMERLANG

LESTARI



## PIHAK BERKEPENTINGAN

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)

Kementerian, Agensi Kerajaan  
dan Badan Berkanun

Syarikat Berkaitan Kerajaan  
dan Sektor Swasta

Badan Kerjasama Antarabangsa  
Berkaitan Alam Sekitar

Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Orang Awam




SENARIO

PERSEKITARAN

**SENARIO  
PERSEKITARAN**



# SENARIO PERSEKITARAN



# ISU DAN CABARAN JABATAN ALAM SEKITAR



**Pembakaran Terbuka/Jerebu**



**Kompleksiti Pencemaran Udara  
Taman Mawar, Pasir Gudang**



**Pemulangan Kontena Mengandungi  
Buangan Terjadual/ Plastik Tercemar**



**Penguatkuasaan Ke  
Atas Kilang Haram**



**Penutupan Loji Rawatan Air  
Akibat Pencemaran**



**Kompleksiti Pencemaran Sungai  
Cth: Sg. Kim Kim, Pasir Gudang**



**Pelupusan Haram Buangan Terjadual**




# STRATEGI

# STRATEGI PELAN TINDAKAN

# PEMETAAN STRATEGI JAS 2021-2030

Tahap seterusnya dalam perumusan rancangan adalah pengembangan kad skor terstruktur atau dikenali dengan terma *Balanced Scorecard* (BSC). BSC menterjemahkan misi dan visi JAS ke dalam tiga perspektif, iaitu pihak berkepentingan, proses dalaman, pembelajaran dan pertumbuhan. Ini mencerminkan strategi JAS, mengenal pasti potensi kejayaan, mengintegrasikan langkah luaran dan antarabangsa serta mengenal pasti proses utama yang penting untuk kelangsungan JAS.



# TERAS 1

## PENGUATKUASAAN PINTAR (SMART ENFORCEMENT)

Teras 1 iaitu Penguatkuasaan Pintar merangkumi 6 Strategi, 11 Inisiatif dan 60 Pelan Tindakan yang dirangka dengan matlamat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam tindakan penguatkuasaan dan pematuhan terhadap punca pencemaran di bawah AKAS 1974. Pertambahan punca pencemar pada setiap tahun dan kompleksiti kes pencemaran telah menuntut JAS mengaplikasikan penguatkuasaan pintar melalui penggunaan teknologi terkini termasuk *artificial intelligence* (AI) atau kecerdasan buatan dalam memperkasakan tugas dalam mengawal pencemaran alam sekitar termasuk jenayah alam sekitar rentas sempadan. Menambahbaik konsep penugasan seiring dengan perubahan semasa dan kecanggihan teknologi. AI termasuklah *Geographic Information System* (GIS), dron, sistem radar, alat pengimejan haba (*thermal imager*), alat pengimbasan elektro-optikal / *infrared* (EO/ IR) dan peralatan teropong malam (*night vision*) bagi memperkasakan pegawai penguatkuasa JAS dalam menjaga dan mengawal alam yang luas ini. Premis-premis dan pemaju projek EIA perlu menggalas tanggungjawab bersama dengan kerajaan ke arah usaha melestarikan alam sekitar dengan melaksanakan pematuhan sendiri. Kerangka perundangan akan terus diperkukuhkan bagi memastikan ianya berupaya melindungi alam sekitar dan rakyat. Di samping itu, tindakan bersepadu di antara agensi-agensi berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri terus diperkasa agar isu-isu alam sekitar dapat ditangani dengan lebih berkesan.

### STRATEGI 1: PENGLIBATAN PADU DALAM MEMPERKASA PENGUATKUASAAN

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Penglibatan padu dalam memperkasakan penguatkuasaan	1. Pemantapan kolaborasi dalam penguatkuasaan marin			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan rondaan penguatkuasaan pencemaran marin</li> <li>• Bilangan audit kemudahan yang berisiko menumpahkan minyak ke Perairan Malaysia (pelabuhan, terminal, depo, jeti dan platfom)</li> <li>• Bilangan kemaskini kemasukan data dalam sistem HYFIS</li> </ul>
	2. Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan pencegahan pembakaran terbuka melalui penglibatan padu agensi pelaksana dalam pelaksanaan Program Pencegahan Pembakaran Tanah Gambut dan Kawasan Lain yang Sering Terbakar			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembentukan Pelan Induk Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut</li> <li>• Satu (1) program komuniti &amp; kesedaran dijalankan setiap tahun oleh JAS Negeri                             <ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; Bilangan infrastruktur dibina di bawah RMKe12:                                     <ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; 200 unit piezometer</li> <li>&gt; 100 buah sekatan saluran (check dam);</li> <li>&gt; 30 buah telaga tiub (tube well)</li> <li>&gt; 200 unit papan tanda Larangan Pembakaran Terbuka</li> <li>&gt; 3 km jalan masuk ke lokasi infrastruktur</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
				<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perolehan dron di bawah peruntukkan pembangunan</li> </ul>
	3. Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan pencegahan pembakaran terbuka melalui penglibatan padu agensi pelaksana dalam Pelaksanaan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK)			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peratus pengurangan kes pembakaran terbuka di kawasan sering terbakar</li> </ul>
	4. Memastikan Pelaksanaan Pelan Penghapusan Hydrochlorofluorocarbons (HCFC) dan Program Pengurangan Hydrofluorocarbons (HFC) berdasarkan kepada Obligasi Protokol Montreal			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan Strategi Pengurangan HFC (2024)</li> <li>• Penghapusan HCFC sebanyak 67.5% (2025)</li> </ul>
	5. Mempromosi kadar kitar semula sehingga 25%	6. Meningkatkan kadar kitar semula buangan terjadual sebanyak 30%	7. Meningkatkan kadar kitar semula buangan terjadual sebanyak 50%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan kadar kitar semula buangan terjadual sehingga 50% daripada kadar penghasilan</li> <li>• Pengurangan kes pelupusan haram buangan terjadual</li> </ul>

## STRATEGI 2: PEMERKASAAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Mengintegrasikan dokumen polisi, akta dan lain-lain undang yang berkaitan untuk memantapkan dasar dan perundangan alam sekitar	<p>1. Mengkaji dan mengemaskini semua dokumen polisi, akta dan lain-lain</p> <p>2. Melaksanakan kesesuaian integrasi dokumen polisi antara Kementerian berkaitan dengan alam sekitar</p>	<p>3. Membangunkan Kertas Kabinet dokumen polisi antara Kementerian berkaitan dengan alam sekitar untuk kelulusan Kementerian</p> <p>4. Pembentangan Kertas Kabinet Polisi Integrasi untuk kelulusan Kabinet</p>	5. Pembentangan Kertas Cadangan Polisi Integrasi untuk kelulusan Parlimen (Dokumen Polisi merangkumi akta, polisi, peraturan, perintah, dan garis panduan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dokumen polisi, akta dan lain-lain yang dikemaskini</li> <li>• Dokumen Arahan Tetap Operasi (ATOP) dan Prosedur Tetap Operasi (PTO) yang dikemaskini</li> </ul>
2. Mengkaji semula AKAS 1974	1. Fasa 1 – AKAS 1974	2. Fasa 2 – AKAS 1974	3. Pelaksanaan dan penguatkuasaan terhadap pindaan perundangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pewartaan Pindaan AKAS 1974 Fasa 1</li> <li>• Pewartaan Pindaan AKAS 1974 Fasa 2</li> </ul>

### STRATEGI 3: MEMPERKASA TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Pemantapan aktiviti penguatkuasaan melalui Penguasaan Pintar	1. Meningkatkan penggunaan data-data pengawasan kualiti alam sekitar dalam penetapan fokus penguatkuasaan			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan siasatan pengesahan insiden dan tindakan susulan penguatkuasaan</li> </ul>
	2. Mengenalpasti sasaran projek EIA yang berisiko mengakibatkan pencemaran alam sekitar yang serius, melibatkan isu kedaulatan negara serta kemusnahan sumber yang ketara	3. Memantapkan penganalisan pangkalan data projek-projek EIA dan pemantauan pematuhan dengan sumber data dalaman dan luaran	4. Merangka strategi penguatkuasaan EIA yang lebih berkesan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan sasaran penguatkuasaan dan pematuhan bagi projek EIA di badan air dan dalam pelaksanaan peringkat kerja tanah</li> <li>• Status pematuhan projek EIA di badan air dan dalam pelaksanaan peringkat kerja tanah</li> <li>• Satu (1) laporan analisa keberkesanan penguatkuasaan EIA</li> <li>• Satu (1) rangka kerja transformasi penguatkuasaan EIA</li> </ul>
	5. Mewujudkan pasukan atau skuad tindak cepat ( <i>Emergency Response Team</i> ) untuk tindakan segera penyelesaian kepada kes-kes kecemasan alam sekitar dan isu setempat merangkumi tiga (3) sektor utama iaitu air, udara dan buangan terjadual			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan insiden pencemaran diselesaikan dalam tempoh piagam yang ditetapkan</li> </ul>
2. Meningkatkan pelaksanaan mekanisme mengurus perdanakan alam sekitar ke arah pembudayaan pematuhan sendiri oleh industri dan penggerak projek yang tertakluk EIA	1. 60% pelaksanaan mekanisme mengurusperdanakan alam sekitar bagi tujuan pematuhan sendiri dan pelaporan melalui <i>Environmental Mainstreaming Tools System</i> (EMAINS) oleh (8 sektor utama - Industri Hijau)		2. 80% pelaksanaan mekanisme mengurusperdanakan alam sekitar bagi tujuan pematuhan sendiri dan pelaporan melalui EMAINS oleh (8 sektor utama - Industri Hijau)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan industri yang melaksanakan mekanisme pematuhan sendiri dan pelaporan melalui EMAINS</li> </ul>
	3. Memastikan semua industri mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) Orang Yang Berwibawa untuk mengendalikan setiap satu sistem kawalan pencemaran			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan Orang Yang Berwibawa berbanding sistem kawalan pencemaran yang direkodkan</li> </ul>

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
	4. Membangunkan mekanisme pelaporan pemantauan program pengawasan alam sekitar secara digital bagi projek EIA bersasar	5. Memperluas sistem digital pelaporan pemantauan program pengawasan alam sekitar bagi semua projek EIA	6. Menambahbaik sistem digital pelaporan pemantauan program pengawasan alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan pelaporan pengawasan alam sekitar oleh penggerak projek</li> <li>Penarafan Indeks Pematuhan kepada projek EIA</li> </ul>
	7. Memastikan penggunaan aplikasi pelaporan sistem secara atas talian (ESWIS, CEMS, IREMOTE, OER dll) oleh pihak industri			<ul style="list-style-type: none"> <li>100% industri yang diinventorikan mendaftar dan menggunakan sistem pelaporan secara dalam talian</li> </ul>
	8. Menjalankan kajian kebolehlaksanaan bagi pemantauan dalam talian ( <i>real-time monitoring</i> ) bagi industri yang melepaskan efluen perindustrian dengan <i>volume</i> yang tinggi	9. Pembangunan dokumen panduan pelaksanaan bagi pemantauan dalam talian bagi efluen perindustrian		<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan kajian kebolehlaksanaan</li> <li>Dokumen panduan pelaksanaan</li> </ul>
	10. Melaksanakan kajian TMDL kepada kawasan sasaran	11. Menggalakkan pendekatan TMDL di peringkat kerajaan negeri di dalam melindungi sumber air melalui pelaksanaan <i>Zero Discharge Policy</i> (ZDP) di kalangan industri		<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelan tindakan pelaksanaan TMDL</li> <li>Peningkatan status kualiti air</li> <li>Bilangan industri terlibat</li> </ul>
3. Kerjasama pelbagai agensi ke arah kelestarian alam sekitar	1. Memastikan pelaksanaan pewakilan kuasa yang telah diberikan kepada agensi melalui peruntukan undang-undang dilaksanakan sepenuhnya			<ul style="list-style-type: none"> <li>Pewartaan Peraturan Pewakilan Kuasa</li> <li>PTO oleh Bahagian berkaitan</li> </ul>
	2. Membangunkan PTO pelaksanaan pewakilan kuasa oleh Bahagian berkaitan	3. Melaksanakan PTO pewakilan kuasa oleh agensi yang diwakilkan kuasa		<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan status pewakilan kuasa oleh setiap Bahagian berkaitan</li> </ul>
	4. Meningkatkan operasi secara bersepadu bersama agensi berkaitan untuk pencegahan dan siasatan kes pencemaran alam sekitar terutama yang melibatkan punca pencemar di dalam bidang kuasa agensi berkenaan			<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan operasi bersepadu</li> <li>Bilangan kes yang dirujuk/ dipanjangkan kepada agensi yang berkenaan bagi kes di bawah bidang kuasa agensi terbabit</li> </ul>
	5. Memperkasa fungsi Jawatankuasa Alam Sekitar di Peringkat Negeri antaranya dengan menubuhkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Bertindak yang dipengerusikan oleh YB EXCO berkaitan alam sekitar bagi menyelesaikan kes pencemaran alam sekitar di peringkat negeri			<ul style="list-style-type: none"> <li>Jawatankuasa Pasukan Petugas Bertindak</li> </ul>

## STRATEGI 4: MEMPERKASA PROFESIONALISME JAS SEBAGAI AGENSI PENGUATKUASA

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Meningkatkan pegawai penguatkuasaan dengan peralatan dan logistik yang lengkap dan terkini	1. Mengenalpasti kuantiti, jenis peralatan dan peruntukan yang diperlukan dengan mengambil kira bilangan pasukan penguatkuasa di JAS Negeri dan JAS Cawangan			<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu (1) dokumen unjuran kuantiti, jenis dan peruntukan yang diperlukan dalam tempoh 10 tahun</li> </ul>
	2. Menjalankan kajian peralatan terkini penguatkuasaan pintar berpacukan data yang diperlukan supaya siasatan dapat dijalankan dengan pantas dan tepat			
2. Melaksanakan kaedah penguatkuasaan yang lebih berkesan	1. Membangunkan Indeks Pematuhan Industri (IPI) bagi mengklasifikasi industri berdasarkan status pematuhan terhadap AKAS 1974 dan sistem pelaporan berkaitan	2. Menggunakan sistem pelaporan dan menjana IPI		<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua industri yang diinventorikan mempunyai nilai IPI</li> </ul>
	3. Mengenalpasti dan membangunkan inventori kawasan tumpuan pencemaran ( <i>hot spot</i> ) dalam bentuk pemetaan GIS			<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemetaan tiga (3) <i>hot spot</i> setiap negeri di dalam GIS</li> </ul>
	4. Mewujudkan pasukan forensik bagi menjalankan siasatan berdasarkan kepada PTO Penyiasatan Secara Forensik bagi kes pencemaran alam sekitar	5. Melaksanakan program untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran pasukan forensik di JAS melalui program sangkutan kepada agensi lain dan latihan luar negara	6. Menjalankan fungsi dan peranan pasukan forensik alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan pasukan forensik diwujudkan</li> <li>Bilangan siasatan yang dijalankan oleh pasukan forensik</li> <li>Bilangan makmal forensik bergerak</li> </ul>
	8. Meningkatkan pelaksanaan audit alam sekitar oleh komuniti dipimpin ( <i>regulated community</i> )		7. Perolehan makmal forensik bergerak	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan industri dan projek EIA yang menjalankan audit pihak ketiga</li> <li>Sasaran pematuhan industri dan projek EIA yang menjalankan audit pihak ketiga.</li> </ul>

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
	9. Meningkatkan pematuhan AKAS 1974 di kalangan sektor industri (Premis Yang Ditetapkan (PYDT) dan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)) , bukan industri, punca bergerak dan projek yang mempunyai kelulusan EIA			<ul style="list-style-type: none"> <li>Sasaran pematuhan dicapai mengikut sektor iaitu Industri PYDT (100%), Industri PYBDT (80%), Bukan Industri (80%), Punca Bergerak (95%), dan EIA (80%)</li> </ul>
	10. Mengkaji dan menambahbaik PTO penguatkuasaan bagi projek EIA	11. Mewujudkan pasukan <i>Task Force</i> bagi pembentukan mekanisme dan kriteria bagi cadangan caj bayaran kepada audit pihak ketiga oleh JAS	12. Melaksanakan caj bayaran kepada audit pihak ketiga oleh JAS bagi industri atau projek EIA yang disasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyediaan dan pengemaskinian prosedur berkaitan penguatkuasaan EIA</li> <li>Mekanisme bagi pelaksanaan caj bayaran</li> </ul>
	13. Mengoptimumkan penggunaan aplikasi geospasial serta teknologi terkini untuk membantu aktiviti penguatkuasaan di lapangan secara dalam talian			<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan 100% oleh pegawai-pegawai JAS dalam penguatkuasaan dan input pembangunan</li> </ul>

## STRATEGI 5:

### MEMPERKASA INTEGRITI DAN JATI DIRI

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Pelan Anti Rasuah Organisasi ( <i>Organisational Anti Corruption Plan</i> - OACP) untuk meningkatkan integriti penguatkuasaan JAS	1. Melaksanakan inisiatif OACP secara berperingkat	2. Mengkaji dan menyemak semula OACP	3. Penyediaan OACP baharu bagi tahun (2025-2029)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan inisiatif yang dilaksanakan</li> <li>Satu (1) dokumen OACP disediakan</li> <li>Pengurangan bilangan aduan terhadap pegawai penguatkuasa</li> </ul>
2. Pemantauan integriti pegawai	1. Pemantauan berkala oleh pegawai penyelia ketua jabatan/ penyelia			<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu (1) laporan setiap empat (4) bulan</li> </ul>
	2. Pelaksanaan Pelan OACP oleh setiap pejabat JAS & negeri			

**STRATEGI 6:**  
**MEMPERKASA KOMPETENSI PENGUATKUASA**

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Memastikan pelaksanaan tatacara penguatkuasaan yang berintegriti, seragam dan sistematik	1. Membangunkan kaedah latihan alternatif ke arah membentuk pegawai JAS kompeten	2. Menyediakan latihan berkaitan perundangan, prosedur tetap operasi dan penguatkuasaan secara berkala kepada semua pegawai		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan pegawai JAS yang terlatih</li> <li>• Bilangan pegawai penguatkuasa terlatih untuk pengendalian peralatan</li> </ul>
		3. Menyediakan latihan dan sijil kompetensi dalam pengendalian peralatan penguatkuasaan pintar		
		4. Menyediakan latihan dan membangunkan kepakaran pegawai pendakwa Jabatan dalam pengendalian kes jenayah alam sekitar		

## TERAS 2: MALAYSIA LESTARI

JAS mengutamakan penguatkuasaan yang efektif dan telus kerana majoriti pencapaian JAS akan menyumbang secara terus kepada prestasi Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang menerajui usaha ke arah kelestarian alam sekitar di Malaysia. Dijangka menjelang tahun 2030, Malaysia Lestari menggambarkan suasana alam sekitar Malaysia yang kekal bebas daripada sebarang unsur pencemaran udara dan air hasil daripada aktiviti pembangunan sosio-ekonomi serta kehidupan rakyat yang sejahtera dengan amalan gaya hidup yang lestari. Suasana ini akan wujud sekiranya komponen-komponen dalam ekosistem yang mempunyai kepentingan dalam pengurusan alam sekitar difahami dan dilaksanakan mengikut peranan masing-masing memandangkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar perlu menjadi budaya kepada semua rakyat Malaysia.

Kelestarian alam sekitar akan dapat dicapai dengan kerjasama dan komitmen padu daripada semua pemegang taruh seperti agensi-agensi di peringkat kerajaan persekutuan dan negeri, pihak swasta, pihak industri, badan bukan kerajaan, para pelajar/ mahasiswa dan orang awam. Pembudayaan gaya hidup lestari harus dipromosikan di segenap lapisan masyarakat bagi memastikan alam sekitar yang bersih dan mampan dapat diwarisi demi memastikan kesejahteraan dan kesejahteraan hidup rakyat. Pelaksanaan pematuhan sendiri di kalangan industri juga perlu diperluas dan

diperkasa ke arah memastikan pematuhan berterusan dan konsisten. Dalam perkara ini, JAS akan berusaha memastikan semua komponen bekerjasama dan memahami peranan masing-masing bagi pengurusan ekosistem yang efektif sekaligus dapat mencapai kelestarian Malaysia. Pengurusan ekosistem yang bersifat dinamik memerlukan pendekatan yang mantap, sesuai dan tepat dengan isu dan cabaran semasa yang dihadapi.

Semua pihak perlu terlibat secara proaktif menuju kepada peralihan pengeluaran produk berteknologi tinggi dan mesra alam sejajar dengan wawasan masa depan negara. Melangkah ke hadapan, JAS akan meneruskan usaha memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi memastikan PKS melaksanakan konsep pengeluaran bersih dengan pendekatan pencegahan pencemaran, meminimalkan dan menghapuskan sisa (*minimise or eliminate waste*) dalam proses pembuatan.

Teras 2 memerlukan 3 Strategi, 15 Inisiatif dan 71 Pelan Tindakan untuk mencapai kelestarian Malaysia menjelang 2030. Antara program yang dilaksanakan adalah pemeraksanaan dan pembudayaan komunikasi, pendidikan serta kesedaran alam sekitar dan memantapkan amalan industri hijau dalam kalangan industri melalui konsep pencegahan pencemaran.



**STRATEGI 1:**  
**MENINGKATKAN KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM (CEPA)**  
**MENGENAI KELESTARIAN ALAM SEKITAR**

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Transformasi pemikiran dan sikap prihatin rakyat dalam kelestarian alam sekitar melalui pendekatan <i>nudge</i>	1. Merancang dan melaksanakan aktiviti komunikasi korporat yang strategik serta khidmat nasihat untuk JAS dari segi kolaborasi strategik bersama media, NGO dan exco alam sekitar di setiap negeri			<ul style="list-style-type: none"> <li>Dilaksanakan secara kerjasama strategik di antara agensi kerajaan dan sektor swasta, NGO dan media massa bagi menghasilkan impak yang tinggi dengan peruntukan yang optimum</li> <li>Slot siaran mengenai penyelesaian aduan pencemaran alam sekitar seperti 999</li> <li>Media rasmi sebagai jurucakap alam sekitar</li> </ul>
	2. Mempergiat dan melaksanakan program bertemakan “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama” bagi mencapai objektif <i>Education for Sustainable Development (ESD)</i>	3. Membangunkan Modul Kelab Alam Sekitar Sekolah bagi pembudayaan kelestarian alam sekitar di sekolah	4. Memperkasa Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) melalui IR4.0	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peratus peningkatan dan keberkesanan di kalangan murid sekolah (pra-sekolah), industri, pelajar IPT</li> <li>Bilangan dokumen dibangunkan</li> </ul>
	5. Menjalankan Kajian Kampus Lestari Anugerah Alam Sekitar	6. Pembangunan Dokumen Pembentukan dan Garis Panduan Kampus Lestari di Malaysia	7. Pelaksanaan Program Kampus Lestari di IPT seluruh negara dan libat urus bersama IPT	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan Kajian Kampus Lestari disediakan</li> <li>Dokumen dan garis panduan Kampus Lestari</li> <li>Bilangan libat urus</li> </ul>
	8. Menaiktaraf perpustakaan digital dan memperluaskan penggunaan dalam talian dengan mempelbagaikan capaian kepada data dalam talian seperti <i>lawnet</i> , <i>press reader</i> , <i>e-book</i> dan sebagainya			<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan langganan bahan bacaan digital</li> <li>Bilangan pelawat yang mengakses aplikasi dalam talian JAS seperti <i>Enviro Museum</i> dan <i>Enviro Knowledge Management Centre (EKMC)</i></li> </ul>
	9. Memberi input kepada Dasar Alam Sekitar Negara	10. Melaksanakan Dasar Alam Sekitar dalam visi dan misi JAS		<ul style="list-style-type: none"> <li>Penerapan dan pelaksanaan mengenai alam sekitar di dalam polisi semasa JAS</li> </ul>

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
2. Meningkatkan amalan industri hijau di kalangan industri	1. kajian keperluan dan kebolehlaksanaan Peraturan Industri Hijau di Malaysia	2. Gubalan dan semakan draf peraturan mengenai Industri Hijau	3. Libat urus bersama pihak berkepentingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peraturan Industri Hijau disediakan dan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara</li> <li>Bilangan libat urus</li> </ul>
		4. Kajian kebolehlaksanaan insentif sebagai galakan kepada industri		<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan kajian disediakan</li> </ul>
	5. Memperkasa Program Khidmat Nasihat Industri Hijau kepada PKS dan industri lain bagi menghasilkan garis panduan amalan hijau			<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan industri yang diberikan khidmat nasihat</li> <li>Bilangan garis panduan amalan hijau diwujudkan</li> </ul>
	6. Program perkongsian dan penyebaran maklumat industri hijau			<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan perkongsian dan penyebaran maklumat industri hijau yang dianjurkan</li> </ul>
3. Memperkasa dan membudayakan amalan kelestarian alam sekitar di kalangan masyarakat melalui Rakan Alam Sekitar (RAS)	1. Melaksanakan sesi libat urus bersama rakan strategik dalam menentukan kebolehlaksanaan pemberian insentif kepada ahli RAS		2. Mempergiat dan melaksanakan program bersama ahli RAS dengan insentif daripada rakan strategik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan libat urus</li> </ul>
		3. Kolaborasi bersama stesen penyiaran berlesen untuk tujuan siaran mengenai alam sekitar		<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan kolaborasi</li> </ul>
	4. Menyediakan kertas kerja ke arah pewujudan media elektronik JAS	5. Perolehan infrastruktur bagi kesediaan media elektronik JAS	6. Mewujudkan media elektronik bagi hebahan maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kertas kerja disediakan</li> <li>Media elektronik JAS diwujudkan</li> </ul>
	7. Peningkatan tahap kesedaran melalui program-program ke masa hadapan ke arah peningkatan pematuhan sendiri			<ul style="list-style-type: none"> <li>Kajian tahap kesedaran memelihara dan memulihara alam sekitar di kalangan komponen-komponen dalam ekosistem yang mempunyai kepentingan dalam pengurusan alam sekitar secara dalam talian menggunakan kaedah DELPHI</li> </ul>

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
	8. Memperkasa dan mempelbagaikan program CEPA melalui peningkatan ahli RAS		9. Melaksanakan libat urus bersama Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan, rakan strategik dalam program CEPA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan program CEPA yang dianjurkan</li> <li>• Bilangan penglibatan masyarakat di peringkat nasional dan negeri</li> <li>• Bilangan penglibatan Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan dan rakan strategik</li> <li>• Bilangan ahli RAS</li> </ul>

## STRATEGI 2: MEMPERKASA PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Berperanan sebagai pemudahcara untuk mengintegrasikan kelestarian alam sekitar, khususnya penerapan strategi bagi meminimal atau menghapuskan sisa dalam perancangan strategik sektor industri atau syarikat swasta; sebagai usaha JAS mengimplementasikan <i>Environmental, Social and Governance</i> (ESG) selari dengan ekonomi kitaran ( <i>circular economy</i> )	1. Menenal pasti sektor kritikal dan syarikat swasta yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran alam sekitar untuk pelaksanaan ESG	2. Memudahcara pembangunan dokumen strategi mesra-alam sekitar ESG untuk syarikat berkembang maju ( <i>thrive</i> ) dan bukan setakat bertahan ( <i>survive</i> ), antaranya merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Risk assessment</i></li> <li>• <i>Economic evaluation</i></li> <li>• <i>Prediction of environmental regulations</i></li> <li>• <i>Proactive recommendations on environmental strategy</i></li> <li>• <i>Identification of the best environmental strategies</i></li> <li>• <i>Development of a corporate environmental strategy</i></li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah penglibatan sektor dan kategori industri</li> <li>• Perluasan penerapan akta dan undang-undang alam sekitar dalam merangka strategi ESG</li> </ul>
	3. Mengadakan bengkel ESG untuk sektor industri dan syarikat swasta yang telah dikenalpasti untuk diberi kefahaman ESG sebagai program <i>corporate social responsibility</i> (CSR)	4. Memantau penerapan dan pelaksanaan ESG sebagai asas “Panduan Amalan Terbaik ESG”		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan bengkel/ libat urus ESG</li> </ul>

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama	
	5. Kajian pengenalan ses kepada industri yang menghasilkan buangan terjadual		6. Mekanisme pelaksanaan bagi pengenalan ses kepada industri yang menghasilkan buangan terjadual	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan kajian</li> <li>Mekanisme pelaksanaan ses</li> </ul>	
2. Meningkatkan kelestarian alam sekitar khususnya kualiti udara melalui Pembentukan Pelan Induk Udara Bersih Kebangsaan	1. Kajian dan memuktamadkan pembentukan Pelan Induk Udara Bersih Kebangsaan di bawah RMKe12	2. Pelaksanaan strategi yang digariskan di bawah Pelan Induk Udara Bersih Kebangsaan		<ul style="list-style-type: none"> <li>Pematuhan pelaksanaan kepada Pelan Induk Udara Bersih Kebangsaan</li> </ul>	
3. Memperkasa Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP)	1. Memuktamadkan Program Rasionalisasi EQMP	3. Pelaksanaan EQMP mengikut perjanjian konsesi sedia ada dan perjanjian tambahan ( <i>supplementary agreement</i> ) berdasarkan program rasionalisasi yang dimuktamadkan	6. Perancangan bagi integrasi pemantauan kualiti air tanah dan pengawasan bunyi bising dan getaran di dalam EQMP di dalam RMKe13	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perancangan bagi integrasi pemantauan kualiti air tanah dan pengawasan bunyi bising dan getaran di dalam EQMP di dalam RMKe13</li> <li>Pengoperasian 100% rangkaian stesen pengawasan automatik (108 stesen : udara-68, air sungai-30, air marin-10)</li> <li>Paparan awam data kualiti air (sungai dan marin) di laman sesawang &amp; aplikasi telefon pintar</li> <li>Tambahan peruntukan bagi mengintegrasikan pemantauan kualiti air tanah dan pengawasan bunyi bising dan getaran</li> </ul>	
	2. Paparan awam data kualiti air (sungai dan marin) melalui laman sesawang dan aplikasi telefon pintar				
	4. Integrasi data EQMP dengan sistem data alam sekitar iaitu eKAS ver.4	5. Pemantapan penguatkuasaan melalui sokongan data EQMP			
	7. Pemantapan rangkaian sistem pengawasan kualiti air dan udara				<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan pertambahan stesen pengawasan</li> </ul>
	8. Penggunaan data pengawasan dalam merangka kerja-kerja penguatkuasaan, mengenalpasti punca pencemaran, impak pencemaran dan ramalan pencemaran				<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertambahan bilangan 'Sungai Bersih'</li> </ul>

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
4. Memangkin budaya perancangan dan penerapan pembangunan secara lestari dalam pelaksanaan projek pembangunan	1. Memantapkan pelaksanaan penilaian alam sekitar di Malaysia melalui pengukuhan dokumen panduan/ garis panduan penilaian kesan kepada alam sekeliling	2. Melaksanakan dan memantau pemakaian kepada garis panduan yang dikemaskini atau disediakan kepada pihak berkepentingan	3. Mengemaskini garis panduan berdasarkan aktiviti yang ditetapkan mengikut sektor dan pindaan Perintah EIA terkini	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dokumen panduan diterbitkan dan dikemaskini</li> <li>Bilangan kes Lembaga Rayuan pengecualian EIA</li> <li>Bilangan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan</li> </ul>
	4. Mengkaji dan menambahkan mekanisme proses dan prosedur EIA di Malaysia			<ul style="list-style-type: none"> <li>Dokumen panduan diterbitkan dan dikemaskini</li> </ul>
	5. Mewujudkan SOP atau garis panduan bagi unit input pembangunan termasuklah memperinci/ meminda/mengubah borang dan prosedur untuk memberi ulasan dalam pelan pemajuan kepada Pihak Berkuasa Tempatan			<ul style="list-style-type: none"> <li>Dokumen SOP dan garis panduan</li> </ul>
	6. Mewujudkan bank data dalam sistem geospacial bagi membuat keputusan yang tepat dalam perancangan pembangunan tempatan			<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan permohonan data daripada agensi lain</li> <li>Penyimpanan data untuk orang awam dan agensi kerajaan</li> <li>Bilangan data dan jenis data mengikut negeri</li> </ul>
5. Memantapkan pengurusan buangan terjadual dan bahan berbahaya kepada alam sekitar	1. Melaksanakan pengurangan pengeluaran buangan melalui konsep <i>cradle to cradle, co-processing</i>			<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan kelulusan pengurusan khas buangan terjadual yang diproses</li> </ul>
	2. Menjalankan kajian ekonomi kitaran bagi buangan terjadual terpilih	3. Menghasilkan dokumen panduan dan pelan pelaksanaan ekonomi kitaran bagi buangan terjadual	4. Pelaksanaan ekonomi kitaran bagi buangan terjadual	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan kajian</li> <li>Dokumen panduan</li> <li>Pelan pelaksanaan disediakan</li> </ul>
	5. Kajian <i>Environmental Hazardous Substances</i> (EHS)	6. Gubalan dan semakan peraturan mengenai Kajian EHS		<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan kajian</li> <li>Draf peraturan disediakan</li> </ul>
	7. Kajian kebolehlaksanaan <i>Port Reception Facilities</i> buangan terjadual di pelabuhan dalam memenuhi kehendak MARPOL			<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan kajian dan input pelaksanaan</li> </ul>

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
6. Pengurusan e-waste dari isi rumah yang lestari	1. Melaksana promosi dan program kesedaran mekanisme pengurusan buangan terjadual dan e-waste dari isi rumah	3. Melaksana promosi dan program kesedaran mekanisme pengurusan e-waste dari isi rumah		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Garis panduan bagi mekanisme pengurusan e-waste diterbitkan</li> <li>• Kuantiti e-waste yang dikumpul</li> <li>• Jumlah program kesedaran yang dilaksanakan mencapai pengurusan buangan lestari</li> </ul>
	2. Memuktamadkan garis panduan bagi mekanisme pengurusan e-waste dari isi rumah			
7. Memperkasa kawal selia dan profesionalisme orang yang layak (jururunding EIA dan juruaudit alam sekitar)	1. Mengkaji dan memantapkan Skim Pendaftaran Jururunding EIA dan Juruaudit Alam Sekitar	2. Memperluas mekanisma pendaftaran secara digital bagi skim pendaftaran orang yang layak		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu (1) dokumen skim pendaftaran orang yang layak terkini dimuktamadkan</li> <li>• Peningkatan penggunaan dalam sistem pendaftaran dalam talian</li> </ul>
	3. Memantapkan penilaian berterusan kepada Jururunding EIA dan Juruaudit Alam Sekitar			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan Penilaian dan Tindakan kepada orang yang layak</li> </ul>
	4. Mengkaji semula dokumen <i>Environmental Audit Guidance Manual</i>	5. Pemakaian dokumen <i>Environmental Audit Guidance Manual</i> oleh juruaudit dan pihak berkepentingan		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu (1) dokumen pelaksanaan audit dimuktamadkan dan digunapakai</li> </ul>
8. Mewujudkan kemudahan pengurusan pencemaran alam sekitar secara berpusat mengikut wilayah	1. Mengkaji keperluan dan penetapan sasaran bagi pewujudan rawatan efluen industri serta kumbahan dan kemudahan rawatan buangan terjadual	2. Libat urus bersama pemegang taruh berkaitan dan perancangan untuk pelaksanaan pengurusan alam sekitar secara berpusat	3. Pembangunan dan pelaksanaan kemudahan atau fasiliti yang telah dirancang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu (1) dokumen keperluan disediakan</li> <li>• Bilangan libat urus dengan pemegang taruh</li> <li>• Bilangan kemudahan dibangunkan</li> </ul>
9. Memperkasakan urus tadbir alam sekitar di peringkat kerajaan negeri	1. Menyediakan cadangan kertas kerja ke arah pembentukan <i>blueprint</i> pengurusan alam sekitar	2. Mengangkat kertas kerja <i>blueprint</i> pengurusan alam sekitar kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	3. Penyediaan <i>blueprint</i> pengurusan alam sekitar bersama Jawatankuasa Bertindak Alam Sekitar yang dipengerusikan oleh EXCO berkaitan alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kertas kerja pembentukan <i>blueprint</i> disediakan oleh Ibu Pejabat</li> <li>• Penghasilan satu negeri satu (1) dokumen <i>blueprint</i></li> </ul>

### STRATEGI 3: PEMBUDAYAAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Membina generasi yang membudayakan amalan kelestarian alam sekitar dalam kehidupan	1. Pelaksanaan Modul Kelab Alam Sekitar Sekolah secara meluas di Sekolah Kebangsaan dan diperluaskan kepada semua sekolah di Malaysia			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan sekolah yang terlibat</li> </ul>
2. Meningkatkan peranan dan tanggungjawab di kalangan industri untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam melestarikan alam sekitar yang dikongsi bersama	1. Mengkaji kebolehlaksanaan penarafan kepada industri yang konsisten mematuhi AKAS 1974	2. Memberikan penarafan yang holistik dan praktikal kepada sektor industri		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu (1) garis panduan diwujudkan</li> <li>• Penarafan bintang kepada sektor industri</li> </ul>
3. Mengukur pencapaian dan keberkesanan dalam pengurusan alam sekitar melalui indeks keberkesanan	1. Pelaksanaan pemakaian indeks keberkesanan program CEPA mengenai alam sekitar			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Skala keberkesanan/ kejayaan program</li> </ul>

## TERAS 3: KECEMERLANGAN JABATAN ALAM SEKITAR

**KECEMERLANGAN JAS** bermaksud prestasi JAS dalam melaksanakan mandat telah melebihi jangkaan pihak berkepentingan untuk mencapai tahap kecemerlangan ini, JAS memberi keutamaan kepada empat (4) perkara utama berikut dalam pelan strategik ini :



Struktur organisasi bertujuan untuk membina organisasi yang lebih efektif dengan nilai bersama, bilangan tenaga manusia yang bersikap positif, kepakaran yang relevan dan lain-lain

Sistem untuk pelaksanaan strategi, pelan tindakan dan inisiatif



Dengan pembangunan perindustrian yang begitu pesat dan wujudnya pelbagai cabaran dihadapi seperti pewujudan pencemaran baharu, sumber modal insan berada di bawah tekanan kerana menanggung beban kerja tambahan dan memenuhi jangkaan serta harapan masyarakat terhadap kelestarian alam sekitar. Selain itu, pembangunan teknologi termaju Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan pendigitalan juga merupakan antara cabaran yang harus diberi penekanan.

Susulan itu, bagi memastikan penyampaian yang efektif daripada sektor kerajaan terutamanya daripada warga JAS, pelan perancangan modal insan yang komprehensif perlu diberi perhatian selari dengan dasar dan pelan strategik jabatan secara keseluruhan.

JAS turut melaksanakan kajian dalaman mengenai kaedah kerja yang lebih baik berkaitan dengan penilaian dan penguatkuasaan di seluruh cawangan JAS negeri.

Bagi pemantapan pembangunan sumber modal insan dan kompetensi pegawai pula, JAS melalui EIMAS akan melaksanakan latihan untuk memaksimumkan kemahiran dan pengetahuan warga JAS.

Sistem komunikasi juga amat penting dalam sesebuah organisasi dan JAS juga tidak ketinggalan untuk memantapkan lagi pengurusan sistem komunikasinya. Strategi komunikasi JAS akan berdasarkan kepada tiga (3) tonggak utama iaitu:

1. Penglibatan menyeluruh daripada semua warga JAS bagi mewujudkan rasa kekitaan dan pemilikan;

2. Kolaborasi yang efektif bagi memudahkan penyebaran dan perkongsian maklumat serta mempromosikan kaedah baharu yang berkesan; dan
3. Pemahaman oleh semua warga JAS bahawa tugas dan sumbangan mereka amat penting dalam membantu JAS mencapai objektif dan pelan strategik ini.

Teras 3 memerlukan 4 Strategi, 15 Inisiatif dan 50 Pelan Tindakan bagi menuju ke arah kecemerlangan.

**STRATEGI 1:**

**MENINGKATKAN IMEJ PENGUATKUASA, KOLABORASI EFEKTIF DAN BERKESAN**

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Transformasi perkongsian pintar dan kolaborasi JAS	1. Membangunkan rangka kerja kolaborasi dalam & luar negara	3. Meningkatkan kemahiran komunikasi dan perundingan kakitangan dengan pihak berkepentingan dan rakan strategik	4. Memperkenalkan insentif yang menarik bagi pakar tempatan dan antarabangsa yang terlibat dalam program alam sekitar, peningkatan inovasi dan teknologi terbaru dan terkini	• Rangka kerja kolaborasi dalam & luar negara
	2. Membangunkan rangka kerja kolaborasi rakan strategik		5. Mengkaji semula rangka kerja kolaborasi dalam dan luar negara	• Rangka kerja kolaborasi rakan strategik disediakan • Bilangan <i>Memorandum of Understanding</i> (MoU)
			6. Melaksanakan kolaborasi rakan strategik bersama IPT	

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
2. Menaikkan imej pegawai penguatkuasa JAS dengan pakaian seragam yang diwartakan	1. Mengemukakan permohonan kemudahan pakaian seragam penguatkuasa JAS baharu kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM)	2. Pembentukan garis panduan pemakaian pakaian seragam JAS	5. Perolehan pakaian seragam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan kelulusan pakaian seragam dikemukakan kepada BIUPA JPM</li> <li>• Garis panduan pemakaian pakaian seragam JAS</li> <li>• Perolehan pakaian seragam</li> </ul>
	3. Mengemukakan permohonan peruntukan dengan MOF untuk perolehan pakaian seragam berdasarkan kelulusan JPA pada tahun 1996 dan kelulusan pakaian seragam oleh BIUPA pada tahun 2003	4. Mengemukakan permohonan untuk pertambahan peruntukan daripada MOF apabila permohonan rekabentuk baru pakaian seragam diluluskan sekiranya terdapat impikasi kewangan		
3. Memperkasakan EiMAS sebagai pusat kecemerlangan latihan dan “ <i>Research and Development</i> ” (R&D) alam sekitar	1. Mewujudkan task force untuk penyediaan rangka kerja EiMAS sebagai <i>centre of excellence</i> di dalam bidang alam sekitar termasuk R&D	2. Membangunkan rangka kerja EiMAS sebagai <i>centre of excellence</i> di dalam bidang alam sekitar	3. Pelaksanaan program berstruktur oleh EiMAS	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan program yang dilaksanakan</li> <li>• EiMAS sebagai <i>centre of excellence</i> di dalam bidang alam sekitar</li> </ul>

**STRATEGI 2:**

**MEMPERKASA TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN YANG BERKESAN**

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama	
1. Menambahbaik organisasi, infrastruktur dan operasi JAS	1. Menubuhkan Seksyen Perancangan Strategik	2. Penyusunan semula struktur organisasi dan pelaksanaan		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan Seksyen Perancangan Strategik</li> <li>• Penyusunan semula struktur organisasi JAS</li> </ul>	
		3. Kajian kebolehlaksanaan Lembaga Alam Sekitar ( <i>Environmental Board</i> ) bagi mengawal selia orang yang layak dan orang yang berwibawa		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan dan hasil kajian</li> </ul>	
	4. Menyediakan dan menaiktaraf bangunan pejabat mengikut jumlah keperluan pejabat JAS			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdasarkan peruntukan belanjawan</li> </ul>	
2. Menambahbaik sebaran maklumat yang cepat dan tepat berkaitan gerak kerja dan tindakan Jabatan kepada pemegang taruh	1. Membangunkan Pelan Komunikasi Jabatan	2. Melaksanakan Pelan Komunikasi Jabatan		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dokumen Pelan Komunikasi Jabatan dibangunkan</li> <li>• Pelaporan pelaksanaan Pelan Komunikasi Jabatan</li> </ul>	
	3. Kajian mempertimbangkan pengenaan fi kepada semua permohonan yang memerlukan kelulusan JAS dari sudut perundangan dan kebolehlaksanaan	4. Merangka mekanisme bayaran-kutipan fi dan seranta awam perkara berkaitan	5. Pelaksanaan mengikut mekanisme yang telah dibangunkan		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan kajian disediakan</li> <li>• Mekanisme pengenaan fi dibangunkan</li> </ul>
	6. Kerjasama media massa dan digital di peringkat negeri, kebangsaan dan serantau				<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdasarkan peruntukan belanjawan</li> <li>• Bilangan libat urus</li> <li>• Bilangan syarikat media sebagai rakan strategik dalam program CEPA</li> </ul>
3. Mewujudkan Kumpulan <i>Think Tank</i> untuk penyelesaian isu-isu teknikal yang kritikal dalam pengurusan alam sekitar	1. Mengenalpasti dan melantik ahli Kumpulan <i>Think Tank</i> di kalangan pegawai dari JAS Ibu Pejabat, JAS Negeri dan EIMAS berkaitan subjek tertentu mengikut keperluan semasa			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan Kumpulan <i>Think Tank</i> diwujudkan</li> </ul>	
	2. Menyediakan laporan setiap kali Kumpulan <i>Think Tank</i> dibentuk mengikut keperluan semasa				<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan laporan <i>Think Tank</i></li> </ul>

### STRATEGI 3: PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Melahirkan pegawai JAS yang berkemampuan, berprestasi tinggi, berintegriti dan dinamik	1. Membangunkan <i>Subject Matter Expert</i> (SME) dalam bidang yang disasar	2. Melaksanakan laluan kerjaya bagi pegawai SME dalam tiga (3) bidang utama iaitu kawalan pencemaran air, kawalan pencemaran udara dan pengurusan sisa terjadual		• Jumlah bilangan pegawai SME JAS
	3. Membangunkan Dokumen Panduan Pelaksanaan Program <i>Coaching &amp; Mentoring</i> kemahiran teknikal JAS	4. Mengenal pasti mentor dan mentee berdasar bidang kemahiran teknikal	5. Pelaksanaan dan pemantauan Program <i>Coaching &amp; Mentoring</i> di bawah Jabatan	• Bilangan program <i>coaching &amp; mentoring</i> yang dilaksanakan
	6. Mewujudkan kerjasama dengan badan profesional bagi membantu peningkatan kerjaya dan profesionalisme pegawai JAS (i.e. <i>Board of Engineers</i> (BEM) & <i>Technologist</i> (Ts))			• Bilangan pegawai yang berdaftar dengan badan profesional
2. Perancangan pembangunan jangka panjang modal insan yang menggambarkan teras nilai JAS dan meningkatkan daya saing di peringkat global	1. Menyediakan <i>Training Need Analysis</i> (TNA)	2. Mengajukan program untuk warga JAS berpandukan kepada Pelan TNA mengambil kira keperluan generik dan fungsian		• Pelan Operasi Latihan • Bilangan program

**STRATEGI 4:**

**MEMPERKUKUH DAN MEMPERKASA KEUPAYAAN TEKNIKAL, PROFESIONAL DAN PENGURUSAN**

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Melengkapkan tenaga pengajar di kalangan pegawai JAS dengan kemahiran mengendalikan program latihan norma baru	1. Memberi pendedahan kepada tenaga pengajar untuk meningkatkan pengetahuan di peringkat antarabangsa melalui program sangkutan di dalam dan luar negara	2. Melaksanakan program sangkutan		• Jumlah bilangan tenaga pengajar terlatih
2. Meningkatkan bilangan pegawai mempunyai Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang yang disasar	1. Mengenalpasti Program Pengajian Lanjutan di peringkat Ijazah Sarjana dan PhD	2. Penilaian pegawai JAS yang berpotensi untuk meneruskan dalam Program Pengajian Lanjutan		• Jumlah bilangan pegawai mempunyai Ijazah Sarjana dan PhD
3. Memperkenal dan membangunkan Modul Teras berkaitan alam sekitar diperingkat IPT dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	1. Penubuhan Jawatankuasa Pembentukan Modul, penyediaan kertas kerja	2. Penyediaan dan pembangunan Modul Teras berkaitan alam sekitar	3. Libat urus bersama KPT dan IPT	• Jawatankuasa ditubuhkan • Modul Teras berkaitan alam sekitar • Bilangan libat urus
4. Membangunkan keupayaan Forensik Alam Sekitar	1. Integrasi dan kolaborasi dalam penguatkuasaan dan insiden pencemaran alam sekitar			• Bilangan program
	2. Pendedahan dan penggunaan teknologi terkini dalam dan luar negara			• Bilangan kepakaran forensik
5. Meningkatkan keupayaan teknikal untuk penguatkuasaan dan pengambilan kompetensi baharu	1. Mengenalpasti kompetensi baharu yang diperlukan antaranya forensik dan analitik data raya			• Bilangan kompetensi baharu yang dikenalpasti
	2. Melaksanakan latihan kompetensi baharu bagi sasaran spesifik			

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
6. Meningkatkan kapasiti kepimpinan dan hubungan perorangan	1. Membangunkan program kepimpinan dan hubungan perorangan			• Bilangan pelaksanaan program
	2. Melaksanakan program secara berkala kepada semua pegawai			• Bilangan pegawai yang menyertai program
	3. Membangunkan dokumen laluan kerjaya			• Dokumen laluan kerjaya
	4. Membangunkan kriteria syarat lantikan pegawai-pegawai JAS			• Dokumen kriteria syarat lantikan pegawai JAS
7. Memperkukuh dan meningkatkan keupayaan sumber manusia khasnya berkaitan penguatkuasaan akta	1. Menyediakan dan mengemukakan Kertas Cadangan Pengukuhan Perjawatan JAS		2. Pengemaskinian dan menyediakan input tambahan sekiranya dikehendaki oleh Pihak Yang Meluluskan (Kementerian dan JPA)	• Kertas Pengukuhan Perjawatan Jabatan Alam Sekitar disediakan • Pengemaskinian semula dokumen

## TERAS 4: KEUNGGULAN GLOBAL

Menjelang tahun 2030, pihak pengurusan JAS berharap keunggulan sebagai organisasi pengurusan alam sekitar akan terserlah dengan pelbagai pengiktirafan dan penghargaan yang diterima di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Pada masa yang sama, JAS akan dapat melahirkan panel penasihat dan para perunding yang dikenali bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat global. Pengiktirafan dan penghargaan tersebut merupakan hasil kolektif daripada sumbangan prestasi dan komitmen yang tinggi daripada seluruh warga JAS terutamanya pihak pengurusan dan pakar-pakar teknikal sehingga dapat menaikkan imej organisasi, negara dan seterusnya memberi impak yang besar terhadap nilai keunggulan JAS.



JAS sentiasa berusaha untuk mengukuhkan dan meningkatkan kualiti pengurusan dalam usaha membawa Malaysia ke puncak kecemerlangan pengurusan alam sekitar. Dalam menangani globalisasi dan persaingan, JAS perlu memperkasakan platform maya secara *real-time*, meluaskan jangkauan pendigitalan, memperkasakan penjenamaan JAS melalui kerjasama serantau dan global, pengukuhan ICT ke arah IR4.0 dan pengiktirafan sebagai pemangkin pengurusan alam sekitar nasional. Teras 4 ini telah menghasilkan 4 Strategi, 6 Inisiatif dan 17 Pelan Tindakan yang ditetapkan.

## STRATEGI 1: LIBAT URUS YANG DIKTIRAF DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Menyebar luaskan aktiviti penguatkuasaan, pemantauan dan program kesedaran di persada antarabangsa	1. Menghebahkan pencapaian aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan ke peringkat serantau dan antarabangsa dengan penyertaan dalam acara penganugerahan dan pengiktirafan berprestij di peringkat serantau dan antara bangsa dalam usaha-usaha pemuliharaan dan tadbir urus alam sekitar			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah hebahan</li> <li>• Bilangan penyertaan</li> </ul>
	2. Mempromosi program kesedaran ke peringkat serantau dan antarabangsa seperti Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar, Kampus Lestari dan sebagainya			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah penglibatan</li> </ul>
	3. Penglibatan sebagai input perundingan/ <i>negotiator</i> di peringkat global:  - ASEAN Working Group on Coastal and Marine Environment (AWGCME), Environmental Education, AWGEE, Chemical and Waste, - Projek Bay of Bengal Large Marine Ecosystem (BOBLME) - Multilateral Environmental Agreements – Montreal Protocol, Basel, Rotterdam and Stockholm Conventions, Minamata Convention dan sebagainya			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah input perundingan yang diberikan</li> </ul>
	4. Meningkatkan perkhidmatan dalam talian untuk rujukan bahan alam sekitar melalui sistem baru			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan akses (sistem baru) lebih daripada 3.5 juta pelawat</li> </ul>
	5. Melaksanakan dan menyertai latihan, konvensyen dan pameran peringkat antarabangsa			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah program</li> <li>• Jumlah penyertaan</li> </ul>
2. Mempromosi penglibatan negara dalam sambutan program alam sekitar di peringkat antarabangsa	1. Melaksanakan sambutan program alam sekitar di peringkat negara terhadap program antarabangsa:  - <i>World Water Day</i> (22 Mac) - <i>World Earth Day</i> (22 April) - <i>World Environment Day</i> (5 Jun) - <i>World Ozone Day</i> (16 September) - <i>Zero Emissions Day</i> (21 September) - <i>World Rivers Day</i> (26 September) - Hari Habitat Sedunia (6 Oktober) - Hari Kepentingan Biologi Sedunia (29 Disember) - <i>International E-Waste Day</i> (14 Oktober)			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah penyertaan dan penglibatan</li> </ul>
3. Meningkatkan kolaborasi strategik	1. Menyumbang kepada inisiatif:  - SDG 4 ( <i>Quality Education</i> ) - SDG 6 - ( <i>Clean Water and Sanitation</i> ) - SDG 12 ( <i>Responsible Consumption and Production</i> ); dan lain-lain SDG yang berkaitan			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program yang dilaksanakan</li> </ul>

**STRATEGI 2:**  
**MEMANTAPKAN PENDIGITALAN JAS**

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan JAS untuk kecekapan dan keberkesanan organisasi dan agensi luar berteraskan penerapan IR 4.0	1. Membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan dan memperluaskan perkhidmatan digital alam sekitar bagi dalaman dan luaran JAS			• Satu (1) Pelan Strategik Pendigitalan
	2. Memperkasakan perkongsian sumber data dan yang komprehensif			• Bilangan perkhidmatan digital
	3. Memperkasakan analisa data geospasial dalam pengurusan alam sekitar			• Bilangan data set
	4. Meningkatkan liputan media nasional dan antarabangsa melalui platform digital.			• Bilangan integrasi data
	5. Mempromosikan media melalui komunikasi dalam talian dengan objektif untuk mempercepat dan mengurangkan kos komunikasi			• Bilangan integrasi data geospasial
				• Peningkatan jumlah liputan platform digital

**STRATEGI 3:**  
**MEMPERKASA KEBERKESANAN PANDANGAN DAN KEBERADAAN NEGARA DI PERSADA ANTARABANGSA**

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Meningkatkan kemahiran perundingan antarabangsa	1. Menyediakan latihan berkaitan perundingan ( <i>negotiator</i> ) kepada pegawai JAS yang menghadiri persidangan antarabangsa			• Bilangan latihan yang diadakan
				• Bilangan kakitangan yang dilatih dan bersedia untuk menghadiri persidangan antarabangsa

**STRATEGI 4:**  
**PENINGKATAN KEMAHIRAN PENDIGITALAN DAN MEDIA SOSIAL**

Inisiatif	Pelan Tindakan 2021-2023	Pelan Tindakan 2024-2026	Pelan Tindakan 2027-2030	Petunjuk Prestasi Utama
1. Mempertingkatkan kompetensi warga organisasi dan pembudayaan pendigitalan	1. Mengenalpasti keperluan teknologi bagi keperluan peningkatan kemahiran		4. Pemantauan dan kajian keberkesanan penguasaan sistem maklumat dan inovasi digital serta perkongsian data di semua peringkat	• Bilangan dokumen manual/ prosedur kerja yang dihasilkan
	2. Menyediakan manual/ prosedur kerja dan latihan untuk penguasaan sistem terkini	3. Menganjurkan Program Kesedaran Keselamatan media sosial untuk semua pegawai		



FAKTOR

**FAKTOR**  
**PENENTU KEJAYAAN**

# KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI



Kejayaan sesuatu program amat bergantung pada komitmen pengurusan tertinggi sesebuah organisasi. Pengurusan tertinggi JAS telah memberikan komitmen yang tinggi untuk memastikan semua pelan tindakan yang telah dirangka dapat dilaksanakan mengikut sasaran yang telah ditetapkan melalui pemantauan secara berkala.



Kepimpinan melalui teladan sentiasa ditunjukkan oleh pengurusan tertinggi JAS. Budaya kerja yang proaktif telah diterapkan oleh pengurusan kepada semua pegawai bagi memastikan penyampaian perkhidmatan JAS dapat dilaksanakan dengan segera demi kepentingan dan kemakmuran rakyat.

Oleh itu, warga JAS perlu komited di dalam melaksanakan kerja-kerja Jabatan yang telah dirancang bagi memastikan perkhidmatan JAS tetap unggul dan berintegriti.

# KEMAHIRAN PENGUNAAN TEKNOLOGI

Era digitalisasi dalam pengurusan alam sekitar memberi banyak manfaat kepada JAS. Inisiatif pendigitalan membantu meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan JAS kepada rakyat. JAS komited untuk mengaplikasikan penggunaan dan meningkatkan kemahiran teknologi dalam memudahkan pengurusan penguatkuasaan dan pengawasan alam sekitar.

Pemantapan teknologi dan pendigitalan JAS melalui pelbagai inisiatif membantu meningkatkan kecekapan pengoperasian JAS dengan lebih berkesan. Ia juga disokong oleh perkongsian data dan pewujudan sistem berteraskan IR4.0 seperti data raya dan integrasi sistem bagi menyokong pembuatan keputusan yang lebih baik.

Penambahbaikan berterusan khususnya dalam aspek penggunaan teknologi dan peningkatan kemahiran teknologi harus menjadi faktor kritikal bagi memastikan JAS sebagai satu organisasi yang relevan dalam mengangkat agenda kelestarian alam sekitar.



## PELAN KOMUNIKASI MEDIA



Ke arah era pendigitalan perkhidmatan awam, adalah menjadi satu kemestian untuk JAS mengorak langkah bersiap siaga dengan Pelan Komunikasi yang komprehensif dan efektif. Pelan ini akan menjadi satu panduan dalam penyebaran informasi terkini, tepat dan konsisten kepada orang awam.

Di samping itu, promosi kesedaran awam dapat disampaikan dengan lebih berkesan dan maklumbalas kepada aduan rakyat dapat ditangani dengan lebih sistematik dan amat memuaskan hati pelanggan. Penggunaan media sosial juga akan dimanfaatkan sebaik mungkin sepertimana media massa dan media arus perdana yang mengungguli hebahan maklumat di seluruh pelosok negara.

# TADBIR URUS



JAS sentiasa berusaha dalam memastikan amalan tadbir urus yang baik dapat dilaksanakan demi mengekalkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Pematuhan kepada prosedur dan peraturan yang sedang berkuatkuasa sentiasa diamalkan supaya penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan dapat dicapai selain dapat mengurangkan pembaziran sumber. Tadbir urus yang baik juga akan memastikan isu penyelewengan dan rasuah dapat ditangani bersama. Justeru, komitmen di peringkat JAS Ibu Pejabat, JAS Negeri dan EIMAS diperlukan untuk mencapai objektif yang ditetapkan bagi memastikan program dan aktiviti yang dilaksanakan dapat mencapai keberhasilan yang optimum.

Modal insan yang cemerlang adalah tonggak utama kepada kejayaan sesuatu organisasi dan keberhasilan Pelan Strategik ini. Adalah menjadi aspirasi JAS untuk memastikan warganya mempunyai kemahiran dan integriti tinggi dalam melaksanakan tugas. Dalam mendepani cabaran dalam usaha melestarikan alam sekitar, JAS meletakkan komitmen yang tinggi memastikan semua warga Jabatan ini sentiasa mempunyai kecekapan, pengetahuan, kemahiran dan bersikap positif. Perhatian khusus juga telah dirangka dari aspek latihan, kompetensi, laluan kerjaya dan kebajikan agar pegawai Jabatan ini sentiasa bersedia melaksanakan tugas dengan cemerlang di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa. Elemen kepimpinan dan komunikasi juga akan diterapkan dalam kerangka pembangunan modal insan untuk memastikan legasi kecemerlangan Jabatan ini diteruskan pada masa mendatang.

# PENUTUP

Pelan Strategik JAS 2021-2030 mencerminkan aspirasi dan wawasan Jabatan ke arah memastikan kelestarian alam sekitar terus menjadi agenda utama dalam proses pembangunan negara dan kesejahteraan hidup rakyat.

Pelan Strategik JAS 2021-2030 diterjemahkan melalui teras, inisiatif dan pelan tindakan ke arah mencapai visi dan misi Jabatan. Pelan ini juga akan menjadi rujukan utama warga Jabatan dalam merancang strategi gerak kerja dan penyediaan sasaran tahunan agar kesemua inisiatif yang digagaskan dapat direalisasikan dengan jayanya. Akur janji Jabatan adalah jelas untuk memastikan perkhidmatan yang berkualiti, dan cemerlang kepada rakyat melalui budaya kerja berpasukan dan berintegriti.

Pelan ini juga diharapkan menjadi panduan kepada semua pemegang taruh yang mempunyai kaitan dengan sektor alam sekitar secara langsung atau tidak langsung sama ada di dalam atau luar negara. Kejayaan pelan ini juga menuntut kerjasama erat dan komitmen antara Jabatan dan semua pihak berkepentingan ini.

Prestasi pelaksanaan pelan ini akan sentiasa dipantau dan diukur oleh pengurusan Jabatan. Penilaian semula dan pengemaskinian akan dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan pelan ini memberikan keberhasilan yang jelas dan berimpak tinggi.



# PENGHARGAAN

## KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

**YBhg. Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Alam Sekitar dan Air

## JABATAN ALAM SEKITAR

**YBrs. Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar

## PASUKAN KAJIAN


Universiti Teknologi Malaysia



## SIDANG EDITOR

**YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari (Ketua Editor)**  
Zuraini binti Ahmad Tajudin  
Ani Fazliana binti Dahri @ Abdul Latif  
Hafizah binti Yahya @ Ab. Rahim  
Noor Baizzura Azizan binti Mohd Ali Azizan  
Zuraini binti Siam  
Mazriah Ayu binti Abu Bakar  
Nur Lizrin binti Johari  
Hazrina binti Salleh  
Jamal Affendy bin Shahar  
Dasuki Loo bin Abdullah  
Nor Hamirah binti Mahayudin  
Rozhana binti Mahat  
Nurul Syazreen binti Razali  
Muhamad Afiq Raziq bin Rosli





**Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Alam Sekitar dan Air**

**Jasa 1 -1, Podium 2 & 3, Wilama Sumber Asli  
No.55, Perumahan Perdana Presint 4,  
Pusat Perbadanan Nasional Persekutuan  
62578 Putrajaya, Malaysia.**

[www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)

ISBN 978-967-0-001-10-7



9 789670 000110